

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**SOALAN**

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha teksi bandar yang terjejas teruk malahan ramai yang menutup perniagaan dan bankrap. Setakat ini, berapakah jumlah syarikat yang telah menutup perniagaan dan berapakah bilangan teksi yang masih beroperasi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengusaha teksi bandar sehingga Mac 2024 adalah sebanyak 7,350 yang terdiri daripada 7,169 pengusaha individu dan 181 pengusaha syarikat. Berbanding data pada tahun 2023, jumlah pengusaha teksi bandar direkodkan sebanyak 7,695 buah syarikat. Perbezaan pengurangan sebanyak 345 buah syarikat ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya perubahan corak permintaan penumpang, pilihan penawaran perkhidmatan, destinasi perjalanan penumpang dan lain-lain sebab yang berkaitan. Perkhidmatan teksi bandar adalah merujuk kepada teksi bermeter yang beroperasi di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

2. Pada tahun 2023, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengambil langkah proaktif untuk membantu pengusaha-pengusaha teksi bandar dengan meluluskan pelanjutan tempoh had usia penggunaan teksi bandar daripada 10 tahun kepada had usia maksimum iaitu 15 tahun. Perkara ini dijangkakan dapat membantu pemandu teksi meneruskan perkhidmatan tanpa perlu mengganti kenderaan setelah kenderaan mencapai tempoh had usia 10 tahun.

3. Selain itu, pemandu teksi juga perlu mengambil inisiatif memanfaatkan *trend* dan teknologi terkini supaya seiring dengan permintaan pengguna semasa tanpa bergantung sepenuhnya pada cara konvensional. Pengoperasian melalui aplikasi *e-hailing* sebagai contohnya boleh membantu pemandu teksi meningkatkan jumlah trip yang sekaligus turut meningkatkan pendapatan semasa mereka.

4. Dalam perkembangan yang sama, MOT dari semasa ke semasa mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri teksi bagi tujuan penambahbaikan sektor perkhidmatan teksi.

Sekian, terima kasih.